



PEJABAT MENTERI
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

PELANTIKAN Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan yang Baharu

PUTRAJAYA, 7 Julai 2022 — Sukacita saya ingin memaklumkan YBhg. Dato' Sri Amir bin Hussien sebagai Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan yang baharu untuk tempoh dua tahun berkuat kuasa mulai 1 Julai 2022.

Beliau menggantikan YB Senator Datuk Haji Bashir Haji Alias yang telah berkhidmat sehingga 30 Jun 2022 sebagai Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan.

Pelantikan YBhg. Dato' Sri Amir Hussien sebagai Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan yang baharu adalah selaras dengan perenggan 6(1)(a) Akta Perbadanan Labuan 2001 [*Akta 609*].

YBhg. Dato' Sri Amir Hussien mempunyai pengalaman yang luas di Wilayah Persekutuan Labuan berdasarkan perkhidmatan beliau sebagai Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Anak Tempatan Labuan serta pernah menjadi Ahli dalam Dewan Perniagaan Melayu Malaysia di Labuan, selain beliau juga pernah menjadi Pengerusi Perbadanan Labuan.

Saya percaya dengan pengalaman luas serta daya kepimpinan beliau, Majlis Penasihat Perbadanan Labuan akan mempunyai sistem sokongan yang kukuh serta mampu memberikan nasihat kepada Perbadanan Labuan dalam usaha memastikan ia terus menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat sebagai sebuah kerajaan tempatan.

Saya bagi pihak kerajaan dan seluruh Keluarga Malaysia merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan ini dan selamat menjalankan tugas kepada YBhg. Dato' Sri Amir Hussien.

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada YB Senator Datuk Haji Bashir Haji Alias di atas sumbangan dan jasa beliau semasa memegang jawatan sebagai Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan.

-Tamat-

DATO' SERI DR SHAHIDAN KASSIM
Menteri Wilayah Persekutuan
7 Julai 2022